

Pemikiran Akidah Imam Al-Syafi'i

Tamar Jaya Nizar^{a*}, Farahwahida Mohd Yusof^a

^a*Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

*Corresponding: tamar@utm.my

Article history

Received :10 January 2013

Received in revised form :

14 February 2013

Accepted :15 April 2013

Abstract

Imam al-Shafi'i is a big name as a prominent of the Islamic thought. The writings about his thoughts related to the field of Islamic belief are highlighted in this article looking at the position of the Shafi'i's sect as a main sect for Muslims in Malaysia. By highlighting the discussion related to *af'al al-'ibad*, the absolute power of Allah, the nature of Allah, the words of Allah and the fact that the faith was deemed sufficient to represent the thoughts of Imam Shafi'i in matters related to the Islamic faith. A text study adopted from the books of turath contains his thought of the Islamic faith has become the main reference in order to get the thought of the Islamic belief discussed thoroughly and able to be a reference for a relevant discussion. Although, this article is never referring to a writing or Theology debate, besides, the terms used by the group of the Theology scholars in discussing about Imam al-Shafi'i's thought of the Islamic belief due to the concerning of any combination (syncretism) happens between the thought of Imam al-Shafi'i with other thoughts. The result of the analysis clearly shows that the Imam al-Shafi'i's point of view about faith clearly has its own characteristics and at the slightly different path from the Muktaẓilah's faith point of view despite of there are some still the same but are pretty close with the Asyariah understanding and in fact there is still a different.

Keywords: Faith; Imam al-Shafi'i; Asyariah; Mu'tazili; Theology; exegesis

Abstrak

Nama Imam al-Syafi'i merupakan satu nama besar sebagai tokoh pemikiran Islam. Penulisan berkaitan pemikiran beliau terhadap bidang akidah diketengahkan dalam artikel ini melihat kedudukan mazhab Syafi'i sebagai mazhab pegangan bagi umat Islam di Malaysia. Dengan menengahkan perbincangan berkaitan *af'al al-'ibad* (perbuatan manusia), kuasa mutlak Allah S.W.T., sifat-sifat Allah S.W.T., kedudukan melihat Allah S.W.T. di akhirat, ayat *mutasyabihat* termasuk *istiwa' Allah S.W.T.*, *nuzul* dan kalam Allah S.W.T. serta hakikat iman dianggap sudah memadai bagi mewakili pemikiran Imam Syafi'i dalam hal yang bersangkutan bidang akidah. Kajian teks yang diambil dari kitab-kitab *turath* mengandungi pemikiran akidah beliau menjadi rujukan utama penulis agar pemikiran akidah pegangan Imam al-Syafi'i ini diperbahaskan dengan semurni mungkin serta dapat dijadikan rujukan dan perbincangan. Oleh yang demikian, artikel ini sama sekali tidak merujuk kepada penulisan, perbahasan kalam serta istilah yang diguna pakai oleh golongan ilmu kalam dalam membahaskan pemikiran akidah Imam al-Syafi'i kerana dikhuatiri berlaku percampuran (sinkretisme) antara pemikiran Imam al-Syafi'i dengan pemikiran yang lain. Hasil analisis jelas menampakkan bahawa pandangan akidah Imam al-Syafi'i jelas mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dan berada pada jalur yang agak berbeza daripada pandangan akidah Muktaẓilah meskipun masih ada yang sama tetapi agak dekat dengan fahaman Asyariah bahkan masih ada yang berbeza.

Kata kunci: Akidah; Imam al-Syafi'i; Asyariah; Muktaẓilah; Kalam; Takwil

© 2013 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

1.0 PENDAHULUAN

Imam Al-Syafi'i dalam kalangan umat Islam Malaysia khususnya lebih dikenal sebagai imam madzhab dalam fiqh Islam daripada bidang-bidang lainnya seperti akidah ataupun tasawuf. Mazhab Syafi'i adalah mazhab rasmi umat Islam di Malaysia dan merupakan golongan majority

dibandingkan dengan mazhab-mazhab lain.. Karya-karya penulisan Imam Syafi'i dalam bidang fiqh dan usul fiqh serta disiplin ilmu yang berkaitan dengannya cukup untuk menempatkannya di barisan ulama fiqh yang terbilang hingga kini. Namun, bukan bermakna beliau tidak terlibat langsung dalam disiplin ilmu lainnya seperti akidah, hadis dan tafsir. Sebagai ulama beliau tentunya sentiasa menjadi

tempat bertanya dan rujukan dalam pelbagai masalah agama dan tidak hanya sebatas persoalan fiqh. Tentunya antara masalah semasa yang Imam al-Syafi'i hadapi ketika itu dan menjadi tuntutan sosial untuk diselesaikan adalah persoalan Akidah atau ilmu Kalam yang telah mula bergolak pada zaman beliau, abad kedua Hijriah dan seterusnya. Namun demikian pernyataan ini tidak berarti Imam al-Shafi'i kurang mendalami ilmu-ilmu Islam selain fiqh dan usulnya dan berada pada tahap yang rendah. Justeru sebaliknya Imam al-Syafi' sangat menguasai perbincangan Kalam. Bagaimanapun, bagi beliau perbincangan Kalam tidak ada matlamat dan hujungnya.

Penulisan-penulisan yang banyak menjadi sandaran dan rujukan penting dalam artikel ini adalah kitab *al-Risalah* dan *al-Umm* oleh Imam al-Syafi'i, begitu juga kitab *Manaqib al-Syafi'i* oleh al-Baihaqi (w. 458H), *Siyar A'lam al-Nubala* oleh al-Zahabi dan kitab-kitab ulama lain yang muktabar. Kitab '*Al-Fiqh al-Akbar*' meskipun dinisbahkan kepada Imam al-Syafi'i dan diragukan keaslian pengarangnya, ia masih merupakan antara kitab yang dipilih penulis sebagai kitab rujukan. Bagaimanapun kitab tersebut, tidak dijadikan rujukan utama dalam kajian ini. Hanya bahagian-bahagian tertentu sahaja yang dirujuk bagi menyokong pendapat beliau yang sebenarnya. Hal ini kerana melalui kajian-kajian yang dilakukan oleh sebahagian sarjana Timur Tengah kitab tersebut amat diragukan Imam al-Syafi'i sebagai penulisnya. Atas pertimbangan akademik penulis mengambil sikap berhati-hati dalam memilih manamana pendapat dan pandangan Imam al-Syafi'i dengan merujuk kepada dasar pegangan golongan ahli hadis umumnya khususnya dalam isu-isu akidah.

Kitab-kitab yang ditulis berkaitan dengan akidah Imam al-Syafi'i adalah sangat langka atau terhad terutama yang ditulis oleh ulama-ulama yang hidup mendekati zaman Imam al-Syafi'i. Apalagi penulis dalam kajian ini, akan berusaha sedapat mungkin secara objektif hanya memaparkan semata-mata pandangan Imam al-Syafi'i sendiri tanpa disertakan dengan pandangan atau ulasan-ulasan pengkaji lain yang cenderung bersifat subjektif. Lantaran itu penulisan-penulisan mengenai akidah Imam al-Syafi'i yang ditulis pada zaman yang jauh dari masa hayat beliau kurang atau tidak akan diutamakan untuk dirujuk apalagi kalau penulisan tersebut dihasilkan oleh para orientalis Barat atau pengikut-pengikut mereka. Ini kerana, sebahagian penulisan tentang akidah Imam al-Syafi'i didapati sangat subjektif sehingga menyamakan pandangan beliau dengan pandangan akidah golongan Kalam Mukhtazilah umpamanya. Sedangkan Imam al-Syafi'i sendiri sebenarnya amat tidak menyukai dan menyetujui pendekatan Kalam Mukhtazilah apalagi menerima pemikiran akidah mereka. Sikap Imam al-Syafi'i tersebut boleh di lihat dalam perbincangan-perbincangan beliau tentang isu akidah dengan masyarakat Islam zamannya.

Usaha mengkaji pemikiran akidah Imam al-Syafi'i, terasa begitu penting sekali lantaran dewasa ini, banyak tersebar kesimpangsiuran persepsi masyarakat Islam Malaysia dalam menghayati pegangan tradisional akidah mereka. Sudah sekian lama fiqh Imam al-Syafi'i menjadi anutan dan pedoman, namun dalam kalangan masyarakat Islam awam Malaysia khususnya di Semenanjung tidak banyak yang tahu atau didedahkan apa sebenar akidah yang menjadi pegangan Imam al-Syafi'i. Jelasnya akidah Imam al-Syafi'i dan juga imam-imam mazhab fiqh lain; Maliki, Hanafi dan Hanbali kurang dibicarakan atau ditanyakan dalam kalangan umat Islam tempatan terutama masyarakat awam. Para ulama tempatan lebih sering mengaitkan mereka dalam masalah-masalah fiqh.

Persoalan kajian tentang pegangan sebenar akidah Imam al-Syafi'i lebih dirasakan keperluannya apabila didapati Imam al-Syafi'i hidup bersamaan dengan fasa awal pembentukan aliran-aliran teologi utama. Imam al-Syafi'i hidup pada tahun 150 H-204 H, bererti 100 tahun setelah kemunculan Mukhtazilah bila berpegang pada teori yang mengatakan bahawa Washil b. Atha (81-131 H) adalah orang yang mengasaskan aliran ituⁱ. Tentu saja dalam rentangan masa tersebut Imam al-Syafi'i sudah berbaur dengan aliran-aliran lainnya seperti Jabariah, Qadariyah, Khawarij, dan Syi'ah kecuali aliran Asy'ariyah dan Maturidiyah. Kedua-dua aliran akidah ini belum muncul kerana Asy'ari sendiri pengasasnya, lahir tahun 260 H. Jadi, bukan mustahil dalam tempoh masa tersebut Imam al-Syafi'i ikut terlibat dalam perdebatan sejumlah persoalan akidah dengan aliran-aliran yang ada. Di tengah-tengah berlangsungnya perdebatan umpamanya, lazimnya ditemukan prinsip-prinsip pegangan akidah dari semua pihak yang terlibat. Dari sini, tentu saja akan menarik untuk dicarikan jawapan tentang pegangan akidah sebenar Imam al-Syafi'i..

Sebagai asas analisis pemikiran akidah Imam Al-Syafi'i, artikel ini akan merujuk kepada cara klasifikasi oleh Harun Nasution. Ia telah membahagi dua corak pemikiran akidah: Tradisional dan Rasional. Corak tradisional ditandai dengan pemberian kebebasan berbuat dan berkehendak yang sangat terhad kepada manusia, daya yang minimum kepada akal, pemberian kekuasaan dan kehendak mutlak kepada Tuhan, dan kecenderungan menafsirkan Al-Qur'an secara literalis. Corak rasional pula sebaliknya, memberikan kepada manusia kebebasan berbuat dan berkehendak, Tuhan tidak memiliki kehendak yang mutlak, daya yang maksimum kepada akal, dan cenderung menafsirkan Al-Qur'an secara majaziⁱⁱ atau rasional.

■2.0 BIOGRAFI IMAM AL-SYAFI'I

Sebagai salah seorang ulama yang pandangan fiqhnya menjadi rujukan utama majoriti umat Islam Malaysia dan Indonesia, Imam al-Syafi'i sudah cukup makruf dalam kalangan mereka. Justeru itu, penghuraian dan pengkajian berhubung riwayat beliau secara rinci tidak diperlukan. Pun begitu, kajian biografi akan hanya menelusuri kehidupan Imam al-Syafi'i yang menyebabkannya terlibat dalam bidang akidah.

Nama sebenar Imam al-Shafi'i ialah Muhammad bin Idris bin al-`Abbas bin Usman bin Syafi'i bin al-Saib bin Ubaid bin Abdu Yazid bin Hasyim bin al-Muttalib bin Abdi Manaf bin Qushay bin Kilab bin Murrâh bin Ka'ab bin Luay bin Ghalib Abu Abdillah al-Qurasyi al-Syafi'i al-Makki, dan Imam Al-Syafi'i bertemu nasab dengan Rasulullah saw pada Abdi Manaf bin Qushay, datuk Rasulullah saw yang ketiga. Beliau memiliki pertalian nasab dengan Rasulullah saw melalui Abdul Manaf Bin Qusay. Menurut riwayat Imam al-Bayhaqi, Imam al-Shafi'i dilahirkan di Ghazzah, Palestin tahun 150 H/ 767 M dan wafat pada bulan Rajab 204 H / 819 M⁶ dari keluarga kurang berada dan sudah menjadi anak yatim semenjak kecil lagi. Meskipun demikian, justeru keadaan itu yang membuat ibunya gigih mendorong Imam al-Syafi'i menuntut dan mendalami ilmu pengetahuan. Tidak begitu menghairankan beliau semasa usia 7 tahun sudah menghafal seluruh Al-Qur'anⁱⁱⁱ. Bermula dari Makkah, Madinah (164 H), Yaman (179 H), Irak (184 H), sampai Mesir (199 H) beliau bertemu dan berguru dengan ulama-ulama terkenal seperti Imam Malik, Al-Auza'i, dan Muhammad bin Hasan Al-Syaibani, iaitu murid Imam Abu Hanifah dan ulama-ulama lain yang sezaman^{iv}.

Imam al-Syafi'i berkunjung ke Iraq sebanyak dua kali. Pertama pada tahun 184H dan bermukim di sana selama kurang lebih dua tahun. Kedua tahun 195H dan bermukim di sana dua tahun juga. Perlu ditegaskan di sini bahawa Iraq adalah tempat tumbuh dan berkembangnya aliran Muktaẓilah. Ketika Imam al-Syafi'i berkunjung untuk pertama kalinya ke sana bukan hal yang mustahil aliran kalam itu sudah tersebar luas di sana. Perlu diingatkan, bahawa Imam al-Syafi'i hidup sezaman dengan tokoh-tokoh terkemuka Muktaẓilah di Iraq seperti Abu Hudzail al-Allaf (135--204 H) dan al-Nazzam (185--218 H).

Bagaimanapun dari riwayat-riwayat yang terkumpul sebagaimana yang akan penulis dedahkan dalam penulisan ini, Imam al-Syafi'i pernah bertemu dan berbincang dengan pengikut ahli Kalam antaranya tentang isu al-Quran sebagai makhluk atau Kalam Allah, isu sifat dan isu *al-ru'yah* atau melihat Allah. Peristiwa-peristiwa seumpama ini jelas menunjukkan keterlibatan Imam al-Syafi'i secara serius berdepan dengan fikiran-fikiran Qadariyah dan Muktaẓilah pada masa hayatnya.

Dikatakan juga bahawa Imam al-Syafi'i pernah mempelajari ajaran-ajaran Muktaẓilah. Abdul Salam memberi catatan bahawa Imam al-Syafi'i pernah berguru di Iraq kepada Ibrahim bin. Yahya al-Aslami, seorang penganut aliran Muktaẓilah^v. Hal itu yang mendorong sebahagian pengkaji beranggapan Imam al-Syafi'i sebagai penganut Muktaẓilah. Penyebutan nama Ibrahim yang tidak jelas oleh Imam al-Syafi'i ketika ia menerima hadis dari Ibrahim kemungkinan besar dimaksudkan untuk menghindari syak wasangka dari pihak tertentu yang mungkin mengenalinya^{vi}. Keterlibatan Imam al-Syafi'i dalam persoalan-persoalan teologi Muktaẓilah, mendorong al-Nasysyar untuk memandangi Imam al-Syafi'i sebagai pakar dalam ilmu kalam dan faham bahasa Yunani^{vii}.

3.0 PANDANGAN-PANDANGAN AKIDAH IMAM AL-SYAFI'I

3.1 Tentang Perbuatan Manusia

Sebagaimana telah dimaklumi bahawa corak teologi tradisional yang diwakili di antaranya oleh aliran al-Asy'ariyah memandangi bahawa perbuatan manusia tidak diwujudkan oleh manusia sendiri, tetapi diciptakan Tuhan. Hanya dalam perwujudan perbuatan itu, manusia mempunyai peranan walaupun bukan manusia yang mewujudkan perbuatan dengan kekuasaan dan daya yang diciptakan dan diberikan Tuhan^{viii}. Tetapi daya yang ada pada perbuatan manusia itu sebenarnya *la yu'aththir* (لا يؤثر) iaitu tidak memberi bekas^{ix}. Dengan kata-kata lain perbuatan manusia dilakukan bukan dari daya manusia itu sendiri tetapi merupakan kuasa Allah semata-mata. Jadi hanya perbuatan Allah sahaja yang dapat memberi kesan bukan perbuatan manusia.

Dalam menghuraikan tentang hakikat *af'al al-ibad*, Imam al-Syafi'i memulakan penjelasan pandangannya dengan firman Allah S.W.T.,

“Dan bukan kamu yang menghendakinya melainkan Allah yang menghendakinya, sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.”

(Al-Insan: 30)

Allah bermaksud memberitahu kepada manusia ciptaan-Nya bahawa kehendak itu adalah milik-Nya, bukan milik mereka. Kehendak mereka tidak terjadi kecuali jika Dia menghendakinya. Dan kehendak Allah itu adalah *masyi'ah*-Nya.

Tambahan lagi Allah adalah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana yang tentunya setiap kehendak dan ketentuan Allah mempunyai hikmah dan tujuan yang tidak banyak diketahui oleh makhluknya.

Tentang perbuatan-perbuatan manusia, Imam al-Syafi'i berkata: “Manusia tidak menciptakan perbuatan-perbuatan mereka, tetapi perbuatan-perbuatan itu adalah ciptaan Allah yang berupa perbuatan hamba-hamba-Nya.”^x Begitu juga, tentang kejahatan, Allah mencipta kejahatan sedang hambaNya melakukan kejahatan adalah sebagai ‘*kasb*’.^{xi} Hanya di sini Imam al-Syafi'i tidak menjelaskan apakah *kasb* yang beliau maksudkan itu memberi kesan kepada wujudnya perbuatan makhluk atau tidak.

Beliau juga mengatakan: “*Sesungguhnya kehendak manusia itu ditentukan oleh Allah dan bukan mereka yang berkehendak tetapi Allah yang berkehendak. Manusia itu tidak menciptakan perbuatan-perbuatan mereka, dan ia adalah termasuk ciptaan Allah yang berupa perbuatan-perbuatan manusia, dan sesungguhnya takdir itu, baik dan buruknya berasal daripada Allah*”.^{xii}

Dalam sebuah syair Imam al-Syafi'i jelas menunjukkan pendirian dan sikapnya;

ما شئت كان و إن لم أشأ # و ما شئت إن لم تشأ لم يكن
خلقت العباد على ما علمت # ففي العلم يجري الفتي و المسن
على ذا منتت و هذا خذلت # و هذا أعتت و ذا لم تعن
فمنهم شقي و منهم سعيد # و منهم قبيح و منهم حسن

Semua yang Engkau kehendaki terjadi meski aku tidak menghendakinya #

Namun apa-apa yang aku kehendaki jika tidak Engkau kehendaki pasti tidak terjadi

Telah Engkau ciptakan hamba-hamba mengikut apa yang Engkau ketahui

Dalam pengetahuanMu berlangsung kehidupan orang muda dan orang tua

Kepada orang ini Engkau anugerahi dan yang ini pula Engkau biarkan #

Ini Engkau bantu dan ini tidak engkau tolong

Antara mereka ada yang susah, dan antara mereka juga ada yang bahagia #

Antara mereka ada yang buruk dan antara mereka juga ada yang baik

قدر الله واقع يقضي و روده # قد مضى فيك حكمة و انقضى ما يريد
فأرد ما يكون إن لم يكن ما ما تريده

Takdir Allah itu terjadi memastikan yang kedatangannya #

Telah berlalu suatu hikmah dan berlaku apayang dikehendakiNya

Maka terimalah apa yang terjadi meski itu tidak yang engkau kehendaki.^{xiii}

Dalam masalah *af'al al-ibad* ini, Imam al-Syafi'i jelas sekali berpendapat Tuhan yang menciptakan dan menzahirkan perbuatan-perbuatan makhluk-Nya dari tiada kepada ada dalam bentuk daya yang juga diciptakan Tuhan untuk mereka. Semua itu telah tercatat dalam Qadar Allah dan sarat dengan hikmah meskipun tidak diketahui oleh manusia.

Tuhan adalah pencipta setiap perbuatan manusia. Dengan sifat pencipta, menurut Imam al-Syafi'i, Allah mengetahui dengan terperinci tentang ciptaannya. Seandainya manusia yang menciptakan perbuatan, seharusnya ia mengetahui segala bentuk aktivitiNya, baik yang sedang atau akan dilakukannya. Al-Qur'an surah 37:96, jelas menunjukkan bahawa Tuhanlah yang menciptakan manusia dan apa-apa yang diperbuatnya^{xiv}

Imam al-Syafi'i menolak pandangan yang mengatakan manusia yang mencipta perbuatannya sendiri. Pendirian beliau telah diriwayatkan dalam *Manaqib* oleh al-Baihaqi, Imam al-Syafi'i berkata: "*Golongan Qadariyyah adalah ibarat Majusi bagi umat ini, yang mengatakan bahawa Allah tidak mengetahui kemaksiatan sampai (maksiat) itu terjadi*". Dengan kata lain mereka iaitu golongan Qadariah beranggapan Allah tidak pernah mencipta perbuatan manusia apalagi kemaksiatan atau kejahatan. Seolah-olah dengan cara begitu, golongan Qadariah ingin mentanzihkan Allah dari terlibat dengan dosa maksiat manusia andaikata Allahlah yang menciptakan perbuatan manusia yang tidak luput dari dosa maksiat tersebut.

Al-Muzani mengatakan: "*Aku mendengar Imam al-Syafi'i berkata: "Tahukah Anda siapa Qadariyyah? Seorang Qadariyah ialah yang mengatakan, bahawa Allah tidak menciptakan kejahatan sehingga (kejahatan) itu dikerjakan"*"^{xv}.

Al-Muzani mempertegas sikap dan sebab Imam al-Syafi'i menolak pandangan golongan Qadariah yang telah menafikan Allah mencipta perbuatan manusia apalagi kejahatan yang dilakukan manusia.

Mengenai tuntutan Tuhan terhadap tanggung jawab manusia atas perbuatan-perbuatan yang telah dilakukannya, Imam al-Syafi'i berpendapat dengan perantaraan daya yang telah diciptakan-Nya itu, manusia mempunyai kebebasan untuk memilih melakukan perbuatan, tidak dalam keadaan terpaksa sepenuhnya (*mujbar `alaih*). Kerana dengan memiliki kebebasan itu, manusia berupaya membezakan antara perbuatan bukan pilihan, gerak refleks atau *ghayr al-ikhtiyari* dengan gerakan pilihan. Kalau tidak kerana adanya daya yang 'bersama' perbuatan *ikhtiyari* maka manusia tidak dapat membezakan antara kedua macam gerakan itu. Ini, menurutnya, mengindikasikan bahawa salah satu gerakan itu adalah bersifat ikhtiyari manusia yang kerananya manusia tidak dalam keadaan terpaksa^{xvi}. Lantaran itu, tidak ada sebab kenapa manusia tidak harus bertanggung jawab atas setiap 'perbuatan ikhtiyari' yang dilakukan atas pilihannya sendiri di akhirat nanti.

Dengan pengertian yang sama, Imam al-Syafi'i berkata dalam muqaddimah bukunya '*al-Risalah*': "*Dan aku memohon pertolongan-Nya, pertolongan Dzat yang tiada daya dan tiada upaya kecuali dengan-Nya. Dan aku memohon kepada-Nya petunjuk dengan petunjuk-Nya yang tidak akan sesat orang yang telah diberikan petunjuk itu kepadanya*"^{xvii}.

Manusia tetap mempunyai daya dan upaya tapi tanpa dengan kehendak dan kuasa Allah tiada apa yang dapat dilakukannya. Di sini pertolongan yang dimohon adalah berkaitan dengan kuasa penciptaan *kauniyah*. Bukan bererti manusia tidak bebas berkehendak, tetapi perbuatan yang hendak dilakukan bergantung pada kehendak dan kuasa Allah dalam merealisasikan kehendaknya itu. Selanjutnya Imam al-Syafi'i memohon diberikan petunjuk dan terus berada dalam kebenaran hidayah Allah. Permohonan kali ini pula berkaitan dengan pemberian petunjuk *diniyah*, yang bergantung pada perbuatan ikhtiyari orang yang meminta.

Jika dianalisis pemikiran Imam al-Syafi'i di atas ternyata beliau menggabungkan perbuatan manusia bersama-sama dengan kebebasan memilih. Perbuatan yang dilakukan manusia adalah berdasarkan pilihan sendiri sehingga ia dapat berbuat. Imam al-Syafi'i tidak menggunakan kata-kata 'لا يوتر' sebagaimana golongan Asy'ariyah. Di sini letak perbezaan antara pemikiran akidah Imam al-Syafi'i dengan teori *kasb* Asy'ariyah dalam isu '*af'al al'ibad*' atau perbuatan manusia. Jadi walaupun Imam al-Syafi'i menggunakan istilah *kasb*, namun ia tentu berbeza maksud dan tidak sama dengan *kasb* golongan Asy'ariyah. Di atas *kasb* ini, menurut Imam al-Syafi'i

sendiri, berlakunya pertanggungjawaban manusia. Pengertian *iktisab*, menurutnya, adalah sesuatu yang terjadi dengan perantaraan daya yang diciptakan Tuhan kemudian menjadi perolehan (*kasb*) bagi manusia, yang dengannya lahir perbuatan^{xviii}. Bagaimanapun *kasb* baginya tetap tidak juga memberi kesan.

Kemudian jika dibandingkan dengan pandangan Qadariyyah dan Muktazilah perbedaannya menjadi sangat ketara. Kerana golongan terakhir ini langsung tidak mengiktiraf kuasa Allah dalam perbuatan manusia. Malah menurut mereka manusia yang mengadakan perbuatan mereka sendiri^{xix}.

3.2 Tentang Kuasa Mutlak Tuhan

Dalam persoalan ini, Imam al-Asy'ari sendiri memperakui kuasa Tuhan semutlak-mutlaknya, sedangkan Muktazilah membatasi kuasa Tuhan dengan kewajiban-kewajiban tertentu^{xx}. Bagaimanapun, Imam al-Syafi'i berpendapat bahawa Tuhan bila berkehendak, la akan melakukannya. Bila tidak, la tidak akan melakukannya. Bila Dia ciptakan manusia kemudian memberinya nikmat, maka itu semua kerana kurniaan-Nya bukan kerana kewajiban, sebab Allah adalah pemilik semuanya. Bila hamba-Nya diuji dengan berbagai *bala'* maka itu merupakan keadilan-Nya.. Ringkasnya, Allah berbuat sesuai dengan kehendak-Nya^{xxi}.

Sebagai pemilik tunggal alam, lanjut al-Syafi'i, Allah bebas menggunakan hak milik-Nya tanpa ada unsur paksaan. Allah tidak memiliki kewajiban-kewajiban sebagaimana didakwa oleh golongan Muktazilah. Sebab, yang dinamakan wajib bererti sesuatu yang mengandungi hukuman bagi yang meninggalkannya dan itu tidak mungkin terjadi pada Tuhan. Lagi pula, bila dikatakan wajib bererti ada pihak lain yang mewajibkan dan lebih berpengaruh. Logiknya yang mewajibkan itu lebih tinggi derajatnya dari pada yang diperintah. Semua itu tidak wajar bagi Allah^{xxii}.

Semenjak azali, la mengetahui akan menciptakan makhluk. Ketika berkehendak, la ciptakan makhluk itu sesuai dengan pengetahuan dan kehendak-Nya yang azali. Dan sesungguhnya hikmah dibalik semua ketentuan-Nya itu lebih baik daripada sekedar tujuan-tujuan. Perkataan 'hikmah' jelas tercantum dalam bait sya'ir Imam al-Syafi'i;

Takdir Allah itu terjadi kedatangannya pasti #
Telah berlalu 'suatu hikmah' dan berlaku apa yang
dikehendakiNya
Maka terimalah apa yang terjadi # meski ia tidak yang
engkau kehendaki.

Untuk mendukung pandangan di atas, Imam al-Syafi'i mengajukan tiga hujah aqliyah sebagaimana yang di jelaskan oleh Muhammad bin Yusin bin `Abdullah, dalam *Al-Kaukab al-Azhar Syarh al-Figh al-Akbar*;

Pertama, seandainya Tuhan menciptakan makhluk kerana alasan ('illah) tertentu, maka 'illah itu mungkin qadim dan mungkin pula *muhdas* (dibaharui). Mengandaikan 'illah itu baharu bererti 'illah itu mesti berpengaruh (*ta'alluq*) terhadap 'illah lain dan begitu selanjutnya sampai tidak ada hentinya. Hal demikian tidak mungkin terjadi. Seandainya 'illa itu tidak memerlukan 'illah lain, bererti mengharuskan tidak perlunya semua kejadian di dunia terhadap 'illah tertentu. Mengandaikan 'illah itu qadim bererti makhluk itu qadim pula. Padahal makhluk itu *hadis* (baharu).

Kedua, seseorang yang melakukan suatu pekerjaan kerana tujuan tertentu tidak terlepas dari dua kemungkinan, iaitu. samada ia berjaya memenuhi tujuannya atau tidak

berjaya mencapai maksudnya atau bererti ia gagal. Pada saat berhasil, ia sempurna. Tetapi pada saat gagal, ia memiliki kekurangan. Tuhan dalam hal ini tidak mungkin pada satu sisi sempurna, tetapi pada sisi lain pula memiliki kekurangan. Ketiga, seseorang yang melakukan sesuatu pekerjaan kerana tujuan tertentu adakalanya ia memerlukan perantara untuk mewujudkan tujuan itu, adakalanya tidak. Yang pertama bererti pelakunya lemah, sedangkan yang kedua pelakunya bererti main-main (*'abasan*). Kedua-dua kemungkinan itu tidak mungkin terjadi pada Tuhan.^{xxiii}

Allah mempunyai kuasa mutlak dan menentukan sesuai dengan kehendakNya. Hanya kalau diperhalusi kuasa mutlak Allah disertakan dengan hikmah kebijaksanaan dan kasih sayang-Nya terhadap makhluk, Allah bukan bersifat otoriter. Mungkin ini juga sekali lagi membezakan pandangan akidah Imam al-Syafii dengan pandangan Asy'ariyah apalagi Muktaizilah.

3.3 Sifat-Sifat Tuhan

3.3.1 Sifat Tuhan

Di awal khutbah *al-Risalah*, Imam al-Syafi'i berkata: "*Segala puji bagi Allah... Dia adalah seperti apa yang disifatkan oleh Diri-Nya sendiri serta Dia adalah di atas semua yang disifatkan oleh makhluk-Nya.*"^{xxiv}

Di sini beliau menjelaskan bahawa Allah mesti disifatkan dengan sifat-sifat yang Dia tetapkan untuk diri-Nya sebagaimana yang terdapat dalam Kitab-Nya dan dengan sifat-sifat sebagaimana yang ditetapkan melalui lisan Rasul-Nya sendiri. Bukan sebagaimana yang disifatkan dan ditetapkan oleh manusia dan tidak juga sama seperti apa yang disifatkan oleh manusia, malah di atas semua itu.

Dari keterangan nas dan keterangan lainnya, dikesan mazhab Imam al-Syafi'i dalam masalah sifat tidak terpengaruh sama sekali dengan pendekatan rasional Kalam tetapi tetap berpegang pada al-Quran dan al-Sunnah termasuk dari segi epistemologinya. Disebutkan oleh Abu Ya'la dengan sanadnya dari Yunus bin Abdul A'la al-Mishri, ia berkata: Saya mendengar Abu Abdillah Muhammad bin Idris al-Syafi'i mengatakan ketika ia ditanya tentang sifat-sifat Allah dan apa yang harus diimani. Ia berkata:

"Allah Tabaraka wa Ta'ala memiliki nama-nama dan sifat-sifat sebagaimana yang diterangkan dalam Kitab-Nya dan disampaikan oleh Nabi-Nya kepada umat, maka tidak ada alasan bagi sesiapa pun yang telah sampai hujah kepadanya untuk menolaknya^{xxv}. Sebab telah turun al-Qur'an membawa penjelasan dan telah sah keterangan dari Rasulullah yang menjelaskannya, seperti yang banyak diriwayatkan oleh para perawi yang adil.

Oleh kerana itu, apabila ada orang mempertikaikannya setelah jelas hujah di hadapannya, maka orang berkenaan dinyatakan telah kafir kepada Allah. Namun, berbeza jika ia menyalahinya sebelum jelas hujah di hadapannya, maka ia dimaafkan kerana kejahilannya, sebab pengetahuan tentang hakikat sifat Allah memang tidak didapatkan melalui penalaran, pengamatan dan pemikiran (tetapi dengan nas dan riwayat sahih). Sesungguhnya kami menetapkan sifat-sifat Allah ini dan kami menolak tasybih kepada diri-Nya sebagaimana Allah Ta'ala menafikan hal itu bagi diri-Nya. Firman-Nya:

"Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat."

(Al-Syura: 11).^{xxvi}

Jelas sekali perdebatan tentang Tuhan mempunyai sifat atau tidak meskipun dengan tujuan untuk mentauhidkan dan mentanzihkan Allah telah mendapat tanggapan yang serius dari Imam al-Syafi'i. Beliau sebenarnya sangat tidak setuju dengan pendekatan Kalam yang meskipun mempunyai tujuan dan motif demi mempertahankan kesucian akidah Islam. Lantaran itu dalam menghadapi hujah-hujah rasional Kalam dari Muktaizilah umpamanya beliau tetap dengan prinsip-prinsip akidah yang murni iaitu dengan berpegang secara konsisten pada epistemologi Al-Quran.

Imam al-Syafi'i tentang zat dan sifat Allah mempunyai pemikiran yang sedikit berbeza dengan golongan Asy'ariyah pada satu sisi kerana menetapkan sebahagian sifat dalam al-Quran tetapi menerima takwil untuk sebahagian sifat yang tidak sesuai dengan akal, sedang pada sisi yang lain sangat bertentangan dengan Muktaizilah yang menafikan Allah bersifat dan menggunakan takwil untuk ayat-ayat mutasyabihat.

3.3.2 Melihat Tuhan

Dalam hadis Jarir bin Abdullah, ia berkata: "*Kami duduk bersama Rasulullah lalu baginda melihat ke arah bulan pada malam empat belas, kemudian baginda bersabda: "Sesungguhnya anda akan melihat Tuhan anda sebagaimana anda melihat ini, anda tidak terhalang daripada melihat-Nya. Maka, jika anda sanggup untuk tidak melewatkan solat sebelum terbitnya matahari dan sebelum tenggelamnya, lakukanlah." Lantas baginda pun membaca ayat: "... dan bertasbihlah sambil memuji Tuhanmu sebelum terbit matahari dan sebelum terbenam(nya)."*^{xxvii} (Qaf: 39)." (H.R. Al-Bukhari) Hadis-hadis yang sama maknanya dengan ini banyak jumlahnya.

Imam al-Syafi'i menyatakan penetapan melihat Allah pada hari kiamat, dan telah disampaikan riwayat yang berasal daripadanya yang menunjukkan hal itu.

Antara lain, seperti yang telah diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanadnya daripada al-Rabi' bin Sulaiman, ia berkata: "*Suatu hari aku berada dekat dengan al-Syafi'i, tiba-tiba datang surat dari seseorang di al-Sa'id (nama tempat) yang menanyakan kepadanya tentang firman Allah;*

"Sekali-kali tidak, sesungguhnya mereka pada hari itu benar-benar terhalang daripada (melihat) Tuhan mereka."

(Al-Mutaffin: 15).

Maka, ia menulis balasannya: "*maksudnya, apabila Allah menutupi suatu kaum daripada melihat-Nya dengan kemurkaan, ini menunjukkan bahawa ada suatu kaum yang lain yang melihat-Nya dengan keridhaan.*"

Al-Rabi' bertanya kepada Imam al-Syafi'i: "*Apakah anda berpegang dengan ini ?*" Maka jawabnya: "*Demi Allah, kalaulah Muhammad bin Idris tidak yakin bahawa ia bakal melihat Tuhannya pada hari yang dijanjikan, pasti tidaklah ia menyembah-Nya di dunia.*"^{xxviii}

Dalam *Tabaqat Ibnu Abi Ya'la* diceritakan pula dari Imam al-Syafi'i rahimahullah, ia berkata: "*Bahawa orang-orang beriman akan melihat Tuhan mereka pada hari kiamat dengan pandangan mata mereka sebagaimana mereka melihat bulan pada malam purnama.*"^{xxix}

Inilah aqidah pegangan Imam al-Syafi'i tentang penetapan melihat Allah oleh orang-orang beriman di hari kiamat nanti.

Pendapat Imam al-Syafi'i pada sifat-sifat yang lain iaitu mengenai Asma' Allah dan sifat-sifat-Nya, bahawa beliau beriman dengan semua sifat Allah sebagaimana disifatkan oleh Allah sendiri untuk diri-Nya atau disifatkan oleh Rasulullah saw untuk-Nya. Bahawa beliau juga mengimani

ayat-ayat tentang sifat sebagaimana datangnya tanpa melakukan *takyif, tasybih, ta'thil* dan *tahrif*.^{xxx}

3.3.3 Anthropomorphisme (Ayat Mutasyabihat)

Ayat-ayat mutasyabihat dalam al-Qur'an yang terkesan mempunyai konotasi fisikal atau anthropomorphistik (*tajassum*) yang menjadi salah satu topik perbincangan para ulama Kalam tidak kurang juga menarik perhatian Imam al-Syafi'i untuk menanggapi.

Al-Zahabi meriwayatkan bahawa Abu Abdullah Muhammad bin Idris al-Syafi'i mengatakan ketika beliau ditanya tentang sifat-sifat Allah dan apa yang harus diimani, ia berkata:

"Allah Tabaraka wa Ta'ala memiliki nama-nama dan sifat-sifat yang dinyatakan dalam Kitab-Nya dan disampaikan oleh Nabi-Nya kepada umat, maka tidak ada alasan untuk menolaknya bagi sesiapa pun yang telah sampai kepadanya hujah^{xxx}. Sebab telah turun al-Qur'an membawa penjelasan dan telah sah riwayat dari Rasulullah yang menjelaskannya, seperti yang banyak diriwayatkan oleh para perawi yang adil".

"Oleh kerana itu, apabila ada orang mempertikaikannya setelah tegaknya hujah di hadapannya, orang berkenaan dinyatakan telah kafir kepada Allah. Namun, berbeza jika ia mempertikaikannya sebelum jelas hujah, ia setakat dimaafkan kerana kejahilannya, sebab pengetahuan tentang sifat-sifat Allah memang tidak didapatkan melalui penalaran, pengamatan dan pemikiran. Sesungguhnya kami menetapkan sifat-sifat Allah ini dan kami menafikan tasybih kepada diri-Nya sebagaimana Allah Ta'ala menafikan hal itu bagi diri-Nya. Firman-Nya:

"Tiada sesuatu pun yang serupa dengan-Nya, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Melihat. "

(Al-Syura: 11).^{xxxiii}

Menanggapi ayat-ayat mutasyabihat, sebagaimana terdapat pada Q.S. 20: 5, "*Al-Rahman bersemayam di atas 'Arsy'*". Imam al-Syafi'i menegaskan:

"Ayat ini termasuk ayat-ayat mutasyabihat. Sikap yang kami pilih untuk menghadapi ayat-ayat seumpama ini adalah menerimanya sebagaimana yang datang dari Allah, tidak membahasnya, dan tidak membicarakannya. Membahasnya justru tidak akan selamat dari penyerupaan Tuhan dengan makhluk-Nya kerana kita bukan termasuk orang yang rasikh dalam ilmu.^{xxxiii}

Demikian halnya sikap Imam Malik yang menegur seseorang ketika bertanya tentang ayat mutasyabihat, beliau berkata; "*Istiwa' itu telah disebut dalam ayat, kaifah (caranya) tidak diketahui, iman terhadapnya wajib, dan bertanya tentangnya adalah bid'ah*".^{xxxiv}

Antara contoh lain tentang sikap Imam-al-Syafi'i dalam ayat-ayat sifat yang membawa makna fisikal atau *tajassum* seperti:

i. Sifat Istiwa' Allah

Sifat *istiwa'* adalah sifat al-khabariyah al-fi'liyah yang Allah sifatkan untuk diriNya, dan dalam al-Qur'an dicantumkan antaranya pada ayat;

"Sesungguhnya Rabbmu (Tuhanmu) ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam hari, lalu Dia bersemayam di atas Arsy..."

(Al-A'raf: 54)

"Sesungguhnya Tuhanmu ialah Allah yang telah menciptakan langit dan bumi dalam enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arsy untuk mengatur segala urusan. Tiada seorangpun yang dapat memberi syafaat melainkan jika sesudah ada izinNya..."

(Yunus: 3).

"Allahlah yang meninggikan langit tanpa tiang (sebagaimana) yang kamu lihat, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arsy dan menundukkan matahari dan bulan masing-masing beredar hingga sampai waktu yang ditentukan. "

(Al-Ra'd: 2)

"(Iaitu) Al-Rahman yang bersemayam di atas 'Arsy. "

(Thaha: 5).

"Yang menciptakan langit dan bumi dan semua yang ada antara keduanya dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arsy, (Dialah) yang Maha Pemurah, maka tanyakanlah tentang Allah kepada yang lebih mengetahui (Muhammad) tentang Dia."

(Al-Furqan: 59).

"Allahlah yang menciptakan langit dan bumi dan semua yang ada di antara keduanya dalam masa enam hari, kemudian Dia bersemayam di atas 'Arsy. Tidak ada bagimu seorang penolong pun selain dari-Nya dan tidak juga seorang pemberi syafa'at. Maka apakah kamu tidak memperhatikan?"

(Al-Sajdah: 4)

"Dialah yang menciptakan langit dan bumi dalam masa enam hari; kemudian Dia bersemayam di atas 'Arsy. Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi dan apa yang keluar darinya dan apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepadanya. Dan Dia bersamamu di mana saja kamu berada. Dan Allah Maha Melihat apa yang kamu kerjakan."

(Al-Hadid: 4).

Imam Ibnu Khuzaimah rahimahullah berkata: "Kita beriman kepada khabar yang datang daripada Allah Jalla wa 'Ala bahawa Pencipta kita bersemayam di atas ArsyNya, kita tidak merubah kalam Allah, dan tidak mengatakan selain apa yang dlkatakan-Nya kepada kita, tidak seperti dilakukan oleh Kaum Mu'attilah Jahmiyah yang mengatakan, "Sesungguhnya Dia berkuasa atas 'Arsy-Nya (Istawla 'ala al-Arsy), bukan bersemayam (Istawa)." Jadi, mereka telah menggantikannya (Istawa) dengan perkataan lain bukan apa yang dikatakan kepada mereka. Sama seperti apa yang dilakukan oleh kaum Yahudi ketika mereka diperintahkan supaya mengatakan 'hittah', mereka mengatakannya 'bintah' menyalahi perintah Allah, demikian pula dengan sikap golongan Jahmiyah."^{xxxv}

Kalangan ulama salaf telah sepakat, bahawa Allah Ta'ala bersemayam (Istawa) di atas 'Arsy-Nya dan semua perbuatan mereka tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi daripadanya. Sedangkan asar dan riwayat yang mengandungi keterangan tentang hal ini baik yang bersumber dari kalangan sahabat, tabi'in maupun para imam pendahulu, banyak sekali jumlahnya.^{xxxvi}

Antaranya ialah apa yang diriwayatkan dari Ibnu Mas'ud, ia berkata: "'Arsy itu di atas air, sedang Allah di atas 'Arsy, tidak terlindung suatu apa pun perbuatan-perbuatanmu daripada pengetahuan-Nya."^{xxxvii}

Juga riwayat yang disampaikan oleh al-Baihaqi melalui sanadnya dari al-Auza'i, ia berkata: "Adalah kami dan banyak sekali kalangan tabi'in mengatakan, sesungguhnya Allah berada di atas 'Arsy-Nya, dan kami beriman kepada keterangan yang disampaikan oleh al-Sunnah yang menyatakan tentang sifat-sifat-Nya."^{xxxviii}

Antara riwayat yang paling populer tentang masalah ini ialah apa yang diriwayatkan dari Imam Malik rahimahullah.

Sewaktu Imam Malik ditanya seseorang tentang firman Allah Ta'ala: "Al-Rahman bersamayam di atas 'Arsy." "Bagaimana Dia bersemayam?" Imam Malik menjawab: "Bersemayam-Nya adalah maklum, tetapi bagaimana Dia bersemayam tidak diketahui, beriman dengannya adalah wajib, sedang pertanyaanmu tentang soal ini adalah bid'ah, dan seperti saya aku melihatmu orang yang tidak baik."^{xxxix}

Pendirian Imam al-Syafi'i tentang hal ini, tentunya tidak berbeza dari pendirian gurunya sendiri Imam Malik, adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Zahabi di dalam kitab *al-Uluw*, ia berkata: Diriwatkan oleh Abu al-Hasan al-Hakari dan al-Hafiz Abu Muhammad al-Maqdisi melalui sanad mereka yang sampai kepada Abu Saur dan Abu Syu'aib, keduanya telah meriwayatkan dari Muhammad bin Idris al-Syafi'i, beliau berkata: "Pendapatku tentang Sunnah, yang aku berpegang kepadanya, dan juga orang-orang yang aku lihat semisal Sufyan, Malik dan lain-lain, yaitu pengakuan terhadap persaksian bahawa tiada ilah (yang berhak disembah) selain Allah dan bahawa Muhammad itu Rasulullah, dan bahawa Allah itu di atas 'Arsy-Nya yang ada di langit-Nya. Dia 'mendekat' kepada makhluk-Nya menurut bagaimana (cara) yang Dia kehendaki dan 'turun' ke langit terendah menurut bagaimana (cara) yang Dia kehendaki." Lalu beliau pun menyebutkan seluruh pegangan aqidahnya^{xl}.

Selain nas-nas al-Quran dan hadis-hadis sahih tentang dalil sifat 'Uluw (Ketinggian) Allah, Imam al-Syafi'i berpegang kepada riwayat Mu'awiyah bin al-Hakam iaitu hadis yang menceritakan bahawa ia hendak memerdekakan seorang hamba perempuannya, maka hamba tersebut diuji oleh Nabi untuk mengetahui apakah dia beriman atau tidak. Nabi bertanya kepadanya: "Di mana Allah?" Lalu hamba itu mengisyaratkan ke langit. Maka Nabi bertanya lagi: "Siapa aku?" Ia menjawab: "Rasulullah." Nabi saw pun memerintahkan: "Merdekakanlah dia, kerana dia adalah mukminah."^{xli}

Rasulullah saw. telah memperakui keimanan hamba perempuan tersebut ketika dia menjawab Allah di langit dan dia tahu tentang Tuhannya yang mempunyai sifat 'uluw dan fauqiyah^{xlii}

Di dalam kitab *al-Asma' wa al-Sifat*, al-Baihaqi berkata: "Penyebutan dalil-dalil yang menerangkan *istiwa'*nya Allah di atas 'Arsy, dan juga riwayat-riwayat yang berasal dari kalangan salaf yang memiliki pengertian seperti ini cukup banyak jumlahnya, sama seperti pegangan Imam al-Syafi'i."^{xliii}

Demikianlah beberapa keterangan yang menunjukkan tentang keyakinan Imam al-Syafi'i *rahimahullah*, bahawa beliau beriman kepada semua yang disifatkan sendiri oleh Allah untuk diri-Nya dan juga kepada apa-apa yang disifatkan oleh Rasul-Nya yang juga menjadi keyakinan para sahabat, tabi'in dan imam-imam mazhab.

Keterangan-keterangan ini jelas menunjukkan tentang keyakinan Imam al-Syafi'i kepada sifat-sifat *al-Uluw* (Ketinggian) dan *al-Istiwa'* (bersemayam).

ii Sifat Nuzul Allah S.W.T.

Al-Nuzul termasuk adalah antara sifat-sifat *khbariyah fi'liyah*. Terdapat sejumlah hadis sahih dari Abu Hurairah r.a yang menyatakan, bahawa Allah Ta'ala 'turun' ke langit terendah (langit dunia) pada setiap malam, lalu Allah berfirman: "Siapa yang berdoa kepada-Ku, maka Aku akan memperkenankan doanya. Siapa yang meminta kepada-Ku, maka Aku akan memberinya. Dan Siapa yang memohon keampunan kepada-Ku, maka Aku akan mengampuninya."^{xliv}

Abu Usman al-Shabuni berkata: "Kalangan ulama hadis menetapkan 'turun'-Nya Allah ke langit terendah pada setiap malam tanpa menyerupakan (tasybih) 'turun'-Nya itu

dengan turunnya makhluk, tanpa mengumpamakan (tamsil) dan tanpa menanyakan bagaimana 'turun'-Nya (takyif) tetapi menetapkannya sesuai sebagaimana yang ditetapkan oleh Rasulullah saw. dengan mengakhiri perkataan padanya, menerima khabar shahih yang menyatakan hal itu sesuai dengan zahirnya, serta menyerahkan ilmunya kepada Allah."^{xlv}

Al-Zahabi dalam kitab *'al-Uluw'* diriwayatkan dari Abd al-Rahman bin Abu Hatim al-Razi, ia berkata: "Telah meriwayatkan kepada kami Abu Syu'aib dan Abu Saur dari Abu 'Abdillah Muhammad bin Idris al-Syafi'i, beliau berkata: "... sesungguhnya Allah Ta'ala di atas 'Arsy-Nya mendekat kepada makhluk-Nya menurut bagaimana yang Dia kehendaki dan sesungguhnya Allah Ta'ala 'turun' ke langit dunia menurut bagaimana yang Dia kehendaki."^{xlvi}

Imam al-Syafi'i menerima keterangan hadis tentang Allah turun ke langit dunia sebagaimana yang diriwayatkan, tanpa menanyakan bagaimana atau mentakwilkannya dengan makna lain. Beliau juga kelihatan jelas dalam pernyataan-pernyataannya sendiri tidak memanjang-manjangkan perbicaraan tentang nuzul ini dengan sebarang gambaran, andaian atau lintasan.

iii Sifat Kalam Allah

Persoalan Kalam Allah termasuk masalah terbesar. Polemik mengenainya berkepanjangan antara golongan Ahlus Sunnah wal Jama'ah di satu pihak dengan sejumlah golongan masyarakat Islam iaitu golongan Muktazilah di pihak lain. Keadaan menjadi semakin membimbangkan, terutama ketika golongan Muktazilah yang mengatakan al-Quran adalah makhluk, sangat berpengaruh terhadap kerajaan yang berkuasa masa itu. Tentunya dengan mendapat sokongan kerajaan, golongan Muktazilah telah berusaha memaksakan pegangannya supaya diterima oleh masyarakat Islam waktu itu.

Ayat-ayat maupun hadis-hadis yang menerangkan sifat Kalam bagi Allah dan al-Qur'an itu adalah Kalam-Nya, bukan makhluk, banyak sekali jumlahnya tanpa meninggalkan sedikit pun keraguan dan kesamaran bagi penegak kebenaran. Sebahagian besarnya disebutkan oleh Ibnu Khuzaimah di dalam kitab *al-Tauhid*, dan ditulus oleh al-Lalka'i dalam syarah *Iktiqad Ahlus Sunnah wal Jama'ah*.

Imam al-Syafi'i sempat sezaman dengan awal kemunculan fitnah, bahkan pernah mengadakan perdebatan dengan tokoh-tokoh generasi pertamanya. Beliau memperingatkan mereka, dan mengingatkan umat Islam akan ancaman yang berbahaya dari mereka serta menasihati agar menjauhi mereka. Bahkan beliau sampai menghukum kafir terhadap siapa yang tetap membangkang dan antara mereka ialah Hafs al-Fard. Terdapat banyak riwayat yang menjelaskan tentang hal ini.^{xlvii}

Diriwayatkan oleh al-Baihaqi melalui sanadnya yang sampai kepada Abu Abdillah Muhammad bin Idris al-Syafi'i, ia berkata: "Al-Qur'an itu kalam Allah bukan makhluk."^{xlviii}

Beliau bersikap sangat tegas terhadap orang yang menyalahi pendapat Ahlus Sunnah dalam masalah ini. Diriwatkan oleh al-Baihaqi dengan sanad yang sampai kepada Abu Syu'aib al-Mishri, ia berkata: "Ketika Aku bertemu Muhammad bin Idris di rumahnya, di sana ada Yusuf bin 'Amr bin Yazid dan 'Abdullah bin al-Hakam. Kemudian datang Hafs al-Fard seorang tokoh ahli Kalam dan ahli debat. Dia berkata kepada Yusuf: 'Apakah yang anda katakan tentang al-Qur'an.' Yusuf menjawab: 'Kalam Allah, dan aku tidak mempunyai pendapat lain selain ini.'" Lalu semua yang ada di situ menyanyakannya kepada Imam al-Syafi'i. Kemudian Hafs pun pergi mendapatkan Imam al-

Syafi'i dan berkata: "Mereka semua menanyakannya kepadamu." Imam al-Syafi'i menjawab: "Jauhi kamu dari masalah ini." Tetapi Hafis tetap mendesak, maka bertanya Imam al-Syafi'i kepadanya: "Apa yang kamu katakan tentang al-Qur'an?." Jawabnya, "Sesungguhnya ia adalah makhluk." Beliau bertanya lagi: "Dari mana kamu katakan itu?" Tetap saja Hafis mengemukakan hujahnya kepada Imam al-Syafi'i, bahawa al-Qur'an itu makhluk, demikian pula halnya dengan Imam al-Syafi'i yang tetap menolak dan tetap menyatakan, bahawa al-Qur'an itu adalah Kalam Allah bukan makhluk, hingga akhirnya Imam al-Syafi'i mengafirkannya dan memutuskan untuk membiarkannya sahaja. Abu Syu'aib berkata: "Keesokan harinya Hafis berjumpa denganku di pasar kaca, dan ia berkata: 'Menurutmu apa yang harus dilakukan terhadap Imam al-Syafi'i'. Saya katakan: 'Aku suka agar mereka sedar bahawa ia adalah seorang yang berilmu.'" Kemudian ia mendekatiku sambil mengatakan tidak seorang pun yang dapat berbicara seperti ini dan tidak ada yang lebih cekap daripadanya dalam menyelesaikan masalah ini."

Riwayat yang sama disampaikan oleh al-Baihaqi melalui sanad yang lain yang diterimanya dari al-Rabi' bin Sulaiman. Tetapi pada bahagian akhirnya ia mengatakan, bahawa Hafis berkata: "Al-Syafi'i ingin membunuhku." Kemudian melalui sanadnya juga yang sampai kepada al-Rabi', ia berkata: "Ketika Imam al-Syafi'i berbicara kepadanya, Hafis berkata: 'Al-Qur'an itu makhluk.'" Imam al-Syafi'i menegaskan: "Engkau telah menjadi kafir terhadap Allah Yang Maha Agung."

Perbincangan yang sama terjadi pada Imam al-Syafi'i, iaitu sebagaimana yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi dengan sanadnya dari Abu Muhammad al-Zubairi, ia berkata: Seseorang berkata kepada Imam al-Syafi'i tentang al-Qur'an: 'Apakah ia Khaliq?' Beliau menjawab: "Bukan." Orang itu bertanya pula: "Jadi, ia makhluk?" Beliau menjawab: 'Bukan.' Orang itu berkata lagi: 'Jadi selain makhluk?' Maka jawab Imam al-Syafi'i: "Ya." Lalu orang itu kembali bertanya: "Apa buktinya kalau al-Qur'an bukan makhluk." Beliau pun mengangkat kepalanya, kemudian berkata: "Anda mengakui bahawa al-Qur'an itu kalam Allah?" Orang itu menjawab: "Ya." Lalu Imam al-Syafi'i menegaskan: "Anda telah mengetahui tentang masalah ini melalui firman Allah Ta'ala:

"Dan jika seorang dari golongan musyrikin itu meminta perlindungan kepadamu, maka lindunglah ia supaya ia sempat mendengar Kalam Allah, kemudian hantarkan ia ke tempat yang aman. Yang demikian itu disebabkan mereka adalah kaum yang tidak mengetahui."

(QS. At-Taubah: 6). Dan,

"Dan Allah telah berbicara kepada Musa secara langsung." (QS. An-Nisaa': 164)

Seterusnya Imam al-Syafi'i bertanya, "Anda mengakui bahawa Allah ada dan telah ada KalamNya, atau Allah ada dan belum ada KalamNya?" Lelaki itu menjawab: "Allah telah ada dan telah ada KalamNya." Mendengar jawapannya seperti itu Imam al-Syafi'i pun tersenyum dan berkata: "Hai ahli Kufah, anda semua telah terlalu jauh terlibat dalam perkara besar ini. Jika anda semua mengakui bahawa Allah telah ada sebelum segala sesuatu dan telah ada KalamNya, maka dari mana kamu persoalkan apakah kalam itu Allah? Atau selain Allah? Atau bukan Allah?" Maka orang itu pun terdiam lalu pergi.^{xlix}

Maksud dari ucapan Imam al-Syafi'i di atas ialah, orang yang mengakui bahawa Kalam Allah termasuk salah satu antara sifat-sifat-Nya, bahawa tidak ada permulaan bagi KalamNya seperti juga dengan Dzāt-Nya, juga mengakui bahawa al-Qur'an itu Kalam Allah dan al-Qur'an itu bukan makhluk. Mereka harus menjauhi segala bentuk putar balik kata dan syubhat dari syaitan. Sesungguhnya al-Qur'an itu adalah Kalam Allah, sedang KalamNya itu adalah sifat-Nya, bukan makhluk, seperti juga halnya dengan sifat-sifat-Nya yang lain.

3.4 Tentang Hakikat Iman

Ibnu Abi Hatim berkata: "Ayahku telah bercerita kepadaku, tuturnya: Aku telah mendengar Harmalah bin Yahya bercerita, Hafis al-Fard dan Mishlaq al-Ibadi berkumpul bersama Imam al-Syafi'i di sebuah tempat Kampung al-Jarwi di Mesir. Lalu keduanya berbahas tentang iman. Mishlaq dengan hujahnya mengatakan bahawa iman bertambah dan berkurang, sedang Hafis al-Fard dengan dalilnya mengatakan, bahawa iman itu adalah ucapan. Kerana Hafis bersikap kasar terhadap Mishlaq, maka Imam al-Syafi'i meredakannya. Lalu, Imam al-Syafi'i menjelaskan bahawa iman adalah ucapan dan amal yang bertambah dan berkurang. Setelah itu, Imam al-Syafi'i memutuskan hubungan dengan Hafis."^{li}

Dalam 'Al-Umm', bab 'al-Niyyah' Imam al-Syafi'i menjelaskan bahawa melakukan solat tidak cukup dengan niat sahaja kerana para sahabat dan tabiin telah ijma' bahawa iman itu ialah dengan ucapan, amalan dan niat, ketiga-tiganya saling berkait antara satu dengan lainnya.^{li}

Al-Baihaqi meriwayatkan dengan sanadnya dari al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi ia berkata: "Aku telah mendengar Imam al-Syafi'i berkata: "Iman itu adalah ucapan dan perbuatan, ia bertambah dan berkurang."^{liii}

Al-Hafizh Ibnu Hajar berkata: "Al-Hakim berkata dalam Manaqib Imam al-Syafi'i telah bercerita kepada kami Abu al-'Abbas al-Asham, al-Rabi' bercerita kepada kami, aku telah mendengar Imam al-Syafi'i berkata: "Iman adalah ucapan dan amal, bertambah dan berkurang."^{liiii}

Dalam kitabnya, Hilyah al Auliya, Abu Nu'aim meriwayatkan dengan sanadnya dari al-Rabi' bin Sulaiman, tuturnya: "Seorang lelaki dating dari negeri Balkan bertanya kepada Imam al-Syafi'i tentang iman. Beliau menjawab: "Menurut engkau bagaimana?" Lelaki itu menjawab: "Menurutku, iman itu adalah ucapan". "Darimana kau dapatkan pendapat itu?" tanya Imam al-Syafi'i. Ia menjawab: "Dari firman Allah;

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih..." (Al-Bagarah: 277)

Lelaki Balkan itu menjelaskan bahawa huruf 'waw' (dan) merupakan pemisah antara iman dan amal. Iman adalah ucapan, amal adalah syariahnya. Maka Imam al-Syafi'i berkata: "Jadi 'waw' di situ fungsinya 'fashl' (pemisah)?" "Ya," Jawabnya. "Kalau begitu kamu menyembah dua ilah, ilah di barat dan ilah di timur, kerana Allah Ta'ala juga telah berfirman;

"Dia adalah Rabb (yang memelihara) kedua tempat terbit matahari dan Rabb (yang memelihara) kedua tempat terbenamnya."

(Al-Rahman: 17)

Mendengar perkataan Imam al-Syafi'i seperti itu, lelaki itu terperanjat dan marah, terus ucapnya; "Subhanallah, kau

anggap aku menyembah berhala?” “Kau sendiri yang punya pandangan seperti itu!” Balas Imam al-Syafi'i. “Bagaimana mungkin?” tanyanya lagi. Beliau menjawab: “Kerana engkau mengatakan, bahawa 'waw' adalah 'fasl' (pemisah)”. Maka lelaki Balkan itu berkata: “Aku memohon ampun kepada Allah atas ucapanmu. Aku adalah mukmin yang menyembah hanya kepada Allah sahaja. Mulai sekarang aku tidak lagi berpendapat 'waw' pada ayat tersebut berfungsi sebagai 'fashl' (pemisah). Mulai sekarang, aku berkeyakinan bahawa iman itu adalah ucapan dan amal, yang bertambah dan berkurang”.^{liv}

Al-Rabi' terus menambah: “Maka lelaki Balkan itu mengeluarkan infaq dalam jumlah yang banyak, dan mengumpulkan kitab-kitab Imam al-Syafi'i, kemudian dia keluar dari Mesir sebagai seorang yang beraqidahkan Ahlus Sunnah”.

Jelas takrif iman dalam pandangan Imam al-Syafi'i adalah ma'rifat dengan hati, ikrar dengan lisan, dan mengamalkan rukun-rukunnya. Meskipun hampir sama, tetapi tetap berbeza dengan faham Muktaizilah, Imam al-Syafi'i melihat maksiat, kecuali yang berupa syirik, tidak menghilangkan iman. Pada ayat Q.S. 4 : 48 dijelaskan bahawa hanya dosa syirik yang tidak diampuni Allah, sedangkan selain itu akan diampuni bagi siapa yang dikehendaki Nya. Maksiat selain syirik tidak berlawanan dengan iman dan keduanya mungkin berkumpul pada saat yang bersamaan.

Imam al-Syafi'i berpendapat, ahlu alqiblah yang berbuat dosa besar berada pada masyiah atau kehendak Allah. Bila Allah menginginkan untuk menyiksanya, maka Allah akan menyiksanya dan bila Allah menghendaki untuk memaafkannya, maka Allah akan memaafkannya. Imam al-Syafi'i berkata, “Orang yang lari pada saat pertempuran bukan kerana ingin bersiasat atau bukan ingin bergabung dengan

pasukan lain maka saya bimbang ia mendapat murka dari Allah S.W.T. kecuali jika Allah memaafkannya.”^{lv}

Lebih lanjut Imam al-Syafi'i berhujjah bahawa bila iman hilang kerana maksiat, tentu pelakunya dihukum murtad dan dituntut untuk beriman lagi, bukan dituntut untuk bertaubat. Dan Nabi pun bersabda bahawa orang yang dalam hatinya tersimpan sedikit iman tidak akan abadi dalam neraka. Dan telah terjadi ijma' ulama bahawa seorang mukmin tidak menjadi kafir kerana maksiat yang dilakukannya. Ia hanya merupakan mukmin yang fasiq.^{lvi}

Imam al-Syafi'i berbeza dengan Asy'ariyah kerana iman bagi mereka ialah cukup dengan membenarkan dengan hati. Adapun ucapan dan perbuatan hanya merupakan cabang daripada iman. Jadi dengan hanya membenarkan di hati terhadap keesaan Allah dan terhadap ajaran Rasul-Nya iman seseorang telah sah.^{lvii}

■4.0 ANALISIS DAN KESIMPULAN

Ketika Imam al-Syafi'i masa hayatnya, aliran Asy'ariyah dan Maturidiyah belum muncul. Bagaimanapun, Imam al-Syafi'i dapat menyaksikan dan merujuk aliran-aliran akidah lainnya yang telah ada pada masanya seperti Syi'ah, Khawarij, Jabbari'ah, Qadariyyah, dan Murji'ah. Atas dasar fakta itu, satu-satunya kemungkinan yang menjadi rujukan Imam al-Syafi'i dalam menentukan tema-tema teologinya adalah golongan Kalam seperti Qadariyah dan Muktaizilah.

Sebagaimana terlihat dalam paparan, terkesan bahawa pandangan-pandangan akidah Imam al-Syafi'i, jelas berada pada jalur yang agak berbeza dari pandangan-pandangan akidah Muktaizilah tetapi agak dekat dengan fahaman Asy'ariyah.

	Aliran Akidah	Muktaizilah	Imam Al-Syafi'i	Asy'ariyah
	Bentuk Pemikiran Akidah	Rasional Kalam	Tradisional Hadis	Tradisional Kalam
1	Perbuatan Manusia	Manusia	Allah dan Manusia	Allah
2	Kuasa Mutlak Allah	Terhad	Allah Maha Kuasa dan Bijaksana	Allah Maha Kuasa
3	Tanzih	Menolak Sifat dlm Al-Quran dan Sunnah	Menetapkan Semua Sifat dlm al-Quran dan Sunnah	Menetapkan Sebahagian dan Menolak Sebahagian
4	Ayat-ayat Mutasyabihat	Takwil	Mengimani sepenuhnya dan tolak Takwil	Takwil
5	Melihat Allah	Mustahil	Melihat	Melihat
6	Hakikat Iman	Hati, Ikrar dan Amal	Hati, Ikrar dan Amal	Di Hati

Dari skema terlihat bahawa Imam al-Syafi'i lebih dekat kepada cara tradisional Asy'ariyyah berbanding dengan cara rasional Muktaizilah. Dari enam topik akidah yang dikaji ternyata satu topik sahaja sama dengan pandangan Asyariyah, sedangkan tentang tema iman, pada satu sisi Imam al-Syafi'i dekat dengan corak tradisional Asy'ariyah, tetapi pada sisi lain ia dekat pada corak rasional Muktaizilah yang memasukkan amal sebagai komponen iman disamping ma'rifat dan ikrar. Namun, ia lebih dekat pada corak tradisional dalam hal bahawa iman tidak dapat hilang kerana dosa besar. Bagaimanapun sebahagian besar pandangan teologis Imam al-Syafi'i lebih dekat pada corak tradisional Asy'ariyah, hanya dalam masalah ayat mutasyabihat Imam al-Syafi'i tidak bersama dengan Asy'ariyah yang lebih cenderung untuk memilih jalan takwil.

Rujukan

- Abd al-Jabbar, Al-Qadi. 1960. *Syarh al-Usul al-Khamsah*. al-Qahirah: Matba'ah al-Istiqlal al-Kubra.
- Abu Zahrah. 1948. *Al-Syafi'i*, Mesir: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Baihaqi. 1405 H. *Al-Asma' wa al-Sifat*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Baihaqi. *Manaqib al-Syafi'i*. tahqiq Ahmad Saqar, al-Qahirah: Dar al-Turas, t.t.
- Al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari*. al-Riyad: Maktabah al-Rusyd, t.t.
- Al-Fakhr Al-Razi, (1406 H) *Manaqib al-Syafi'i*, tahqiq Ahmad Hijazi al-Saqa. Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah.
- Ali Sami al-Nasysyar. 1947. *Manahij al-Bahs 'inda al-Mufakkiri al-Islami*. Iskandariah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Al-Subki. 1956. *Tabaqat Al-Syafi'iyah, Vol. 1*. Cairo: Matba'ah al-Husainiyah.
- Al-Syahrastani. 1997. Abu al-Fath Muhammad Abd al-Karim ibn Abi Bakr Ahmad, al-Milal wa al-Nihal, Beirut: Dar al-Fikr.

- Al-Zahabi. 1996. *Siyar A'lam al-Nubala*, Juz 10, Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Harun Nasution. 1986. *Teologi Islam: Aliran-aliran Sejarah Analisa Perbandingan*. Jakarta: UI – Press.
- Ibn Hajr al-Asqalani. 1379 H. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Khuzaimah. 1408 H. *Tauhid wa Isbat Sifat al-Rabb 'Azza wa Jalla, tahqiq 'Abd al-'Aziz ibn Ibrahim al-Syahawan*. Al-Riyad: Dar al-Rusyd.
- Muhammad ibn Idris al-Syafi'i. *Al-Umm*. al-Riyad: Bait al-Afkar al-Dauliyah.
- Muhammad ibn Idris al-Syafi'i, *Al-Risalah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah. t.t.
- Muhammad b. Yusin b. `Abdullah, *Al-Kaukab al-Azhar Syarh al-Figh al-Akbar*, Mekkah: Al-Maktabah Al-Tijariyah, Mushtafa Ahmad Al-Baz, , t.t.
- Muhammad ibn Abd al-Wahhab al-'Aqil. 1998. *Manhaj al-Imam al-Syafi'i fi Isbat al-'Aqidah*. Riyadh. Adwa' al-Salaf.
- Muhy Al-Din `Abd Al-Salam. *Mauqif Al-Imam Al-Syafi'I min Madrasah Al-Iraq Al-Fighiyyah*. Mesir: Majlis Al-A'la Al-Syu'un Al-Islamiyah, , t.t
- Muslim, *Sahih Muslim*. Masr: al-Halabi. t.t.

NOTA HUJUNG

- Harun Nasution, *Teologi Islam: Auran-airan Sejarah Analisa Perbandingan*, UI - Press, Jakarta, 1986. h. 38.
- ⁱⁱ Ibid, h. 150-151
- ⁱⁱⁱ Muhammad ibn Abd al-Wahhab al-'Aqil, *Manhaj al-Imam al-Syafi'i fi Isbat al-'Aqidah*. Riyadh. Adwa' al-Salaf. 1998. h. 19-23. Muhy Al-Din `Abd Al-Salam, *Mauqif Al-Imam Al-Syafi'I min Madrasah Al-Iraq Al-Fiqhiyyah*, Majelis Al-A'la Al-Syu'un Al-Islamiyah, Mesir, h. 13. Lihat pula Al-Subki, *Tabaqat Al-Syafi'iyah, Vol. 1*, Matba'ah al-Husainiyah, Kairo, 1956, h. 245; Abu Zahrah, *Al-Syafi'i*, Dar al- Fikr al-' Arabi, Mesir, 1948, h. 16. Al-Baihaqi. *Manaqib al-Syafi'i*, tahqiq Ahmad Saqar, al-Qahirah, Dar al-Turas, Juz 2 h. 291
- ^{iv} Abd al-Halim al-Jundi, *Al-Imam al-Syafii*, Dar al-Ma'arif, Masr, t.t. h. 29
- ^v Muhy al-Din `Abd al-Salam, op.cit, h. 19
- ^{vi} Abd al-Halim al-Jundi, op.cit. h. 75
- ^{vii} Ali Sami al-Nasysyar, *Manahij al-Bahs 'inda al-Mufakkiri al-Islami*, Dar al-Fikr al-' Arabi, Iskandariah, 1947, h. 60.
- ^{viii} Nasution, op.cit.
- ^{ix} Al-Syahrastani, Abu al-Fatih Muhammad Abd al-Karim ibn Abi Bakr Al-Hamad, *al-Milal wa al-Nihal*, Beirut: Dar al-Fikr, 1997. h. 78
- ^x Al-Fakhr Al-Razi, *Manaqib al-Syafi'i*, tahqiq Ahmad Hijazi al-Saqa. Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah. 1406 H. h.125; Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz 1. h. 415
- ^{xi} Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz 1. h. 414
- ^{xii} Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz 1. h. 415
- ^{xiii} Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz 1. h. 412.
- ^{xiv} Muhammad bin `Abdullah, *Al-Kaukab al-Azhar Syarh al-Figh al-Akbar*, Al-Maktabah Al-Tijariyah, Mushtafa Ahmad Al-Baz, Mekah, t.t., h. 18.
- ^{xv} Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz 1. h. 412-413.
- ^{xvi} Ibid., h. 18.
- ^{xvii} Al-Syafii, *Al-Risalah*, Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah. t.t. h. 7-8
- ^{xviii} Al-Asy'ari, *Maqalat al-Islamiyyin Wa Akhtilaf al-Mushalin*, (Kairo: Maktabah al-Nahdhah al-Mishriyyah, 1950), juz 2, h. 199.
- ^{xix} `Abd al-Jabbar, Al-Qadi, *Syarh al-Usul al-Khamsah*, Cairo: Matba'ah al-Istiqlal al-Kubra, 1960. h. 323
- ^{xx} Nasution, *Teologi...*, h. 118 - 122
- ^{xxi} `Abdillah, op. cit., h. 20
- ^{xxii} Ibid. h. 22-23
- ^{xxiii} Ibid. h. 20-21
- ^{xxiv} Al-Syafii, *Al-Risalah*, 7-8 "Imam al-Syafi'i berkata: "Segala puji bagi Allah yang telah menciptakan langit dan bumi serta menjadikan kegelapan dan cahaya, kemudian orang-orang kafir berpaling dari Rabb mereka. Dan segala puji bagi Allah yang tidak terlaksana semua syukur terhadap nikmat-nikmat-Nya kecuali dengan nikmat dari-Nya yang wajib bagi orang yang telah mendapatkan nikmat-Nya untuk mensyukuri-Nya atas nikmat yang baru, dan orang-orang yang hendak mensifatkan-Nya (dengan akal mereka) tidak mungkin akan sampai kepada hakikat keagungan sifatNya. Dia adalah seperti apa yang disifatkan oleh Diri-Nya sendiri serta Dia adalah di atas semua yang disifatkan oleh makhluk-Nya."
- ^{xxv} Al-Zahabi, *Siyar A'lam al-Nubala*, Juz 10, Beirut: Muassasah al-Risalah, 1996. Juz10 h.79-80.
- ^{xxvi} Al-Zahabi, *Siyar*, Ibid.
- ^{xxvii} Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, al-Riyad: Maktabah al-Rusyd, dalam kitab al-Tauhid bab firman Allah Ta'ala: "Wujud yauma izin nazirah" (No. 7434) dan Muslim, *Sahih Muslim*, al-Halabi. dalam kitab al-Iman. (No. 296).
- ^{xxviii} Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafii*, 1/419
- ^{xxix} Ibid.
- ^{xxx} Muhammad ibn Abd al-Wahhab al-'Aqil, *Manhaj al-Imam al-Syafi'i fi Isbat al-'Aqidah*, h. 387
- ^{xxxi} Al-Zahabi, *Siyar A'lam al-Nubala*, Juz10 h.79-80.
- ^{xxxii} Al-Zahabi, *Siyar*, Ibid.
- ^{xxxiii} Abdullah, Ibid
- ^{xxxiv} Ibid. 13
- ^{xxxv} Ibn Khuzaimah, *Tauhid wa Isbat Sifat al-Rabb 'Azza wa Jalla, tahqiq 'Abd al-'Aziz ibn Ibrahim al-Syawahin*. Al-Riyad, Dar al-Rusyd. 1408 H. Juz 1, h.231
- ^{xxxvi} Muhammad ibn Abd al-Wahhab al-'Aqil, *Manhaj al-Imam al-Syafi'i fi Isbat al-'Aqidah*, h. 280
- ^{xxxvii} Al-Zahabi, *Al-Uluw*, -Juz 1. h.79.
- ^{xxxviii} Al-Baihaqi, *Al-Asma' wa al-Sifat*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1405H. h 515
- ^{xxxix} Al-Zahabi, *Al-Uluw*, op.cit. juz 1. h.165
- ^{xl} Ibid
- ^{xli} Al-Syafii, *Al-Umm*, Juz 5. h. 280
- ^{xlii} Al-Syafii, *Al-Umm*, Juz 5 h.280
- ^{xliii} Al-Baihaqi, *Al-Asma' wa al-Sifat*, h.517
- ^{xliiv} Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, al-Riyad: Maktabah al-Rusyd. kitab al-Tahajjud bab al-Dua wa al-Solat min Akhir al-Lail (No. 1145) ; Muslim, *Sahih Muslim*, kitab Salat al-Musafirin , al-Halabi. (No. 168-172 , Jilid 1/342.)
- ^{xliiv} Al-Sabuni, *Aqidatu al-Salaf wa Ashalru al-Hadis* dlm Majmu'ah al-Rasail al-Minbariyyah, Makkah al-Mukarramah. Dar al-Baz (1/111).
- ^{xliiv} Al-Zahabi, *Al-Uluw*, Juz 1. h. 165
- ^{xliiv} Muhammad ibn Abd al-Wahhab al-'Aqil, *Manhaj al-Imam al-Syafi'i fi Isbat al-'Aqidah*, h. 280
- ^{xliiv} Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz 1. h. 407
- ^{xliiv} Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz. 1 h. 407-408
- ⁱ Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i*, Juz 1. h. 387
- ⁱⁱ Al-Syafi'i, *Al-Umm*, Juz 2. h. 239-230); Al-Baihaqi, *Manaqib al-Syafi'i* Juz 1. h. 386
- ⁱⁱⁱ Al-Zahabi, *Siyar A'lam al-Nubala'*. Juz 10. h. 32
- ⁱⁱⁱⁱ Ibn Hajr al-Asqalani, *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, Beirut: Dar al-Ma'rifah. 1379 H. Juz 1. h. 47
- ^{liiv} Muhammad ibn Abd al-Wahhab al-'Aqil, *Manhaj al-Imam al-Syafi'i fi Isbat al-'Aqidah*, h.163-164
- ^{lv} Al-Syafii, *Al-Umm*, Juz 4. h.169;Al-Baihaqi, *Manaqib Imam al-Syafii*, Juz 1. h. 328
- ^{lvi} Abdullah, op.cit. h.29
- ^{lvii} Al-Syahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, tahqiq Muhammad Sayyid Kilani, Beirut, Dar al-Ma'rifah. 1975 Jld 1 h. 101.